

Fasa peralihan endemik diyakini sehalu, tiada lagi pusingan U

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mohd Nasaruddin Parzi - Mac 9, 2022
bhnews@bh.com.my



Kerajaan mengharapkan fasa peralihan endemik bersifat sehalu tanpa perlu pusingan U dalam kelonggaran diberi. - FOTO NSTP/ FAIZ ANUAR

KUALA LUMPUR: Kerajaan yakin proses transisi negara ke arah fasa peralihan endemik seperti diumumkan Perdana Menteri semalam, bersifat sehalu dan boleh diteruskan.

Bagaimanapun, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata pihaknya sedia melihat sebarang kemungkinan termasuk meneliti kelonggaran diberikan melalui peralihan itu sebaik memasuki fasa berkenaan kelak.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) yang mengamalkan dasar kawalan penyakit berjangkit yang selamat dan menjaga kesihatan awam perlu sentiasa bersedia dengan apa saja kemungkinan.

"Salah satu perkara yang saya sudah menasihati Jemaah Menteri adalah sekiranya muncul varian baharu, yang lebih ganas daripada Omicron...bukan saja Malaysia, tetapi negara lain pun mesti kaji semula protokol pembukaan mereka," katanya ketika sidang media di Parlimen hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada fasa peralihan endemik akan ditarik semula sekiranya sistem kesihatan negara lumpuh susulan peningkatan kes,

Khairy berkata, setakat ini berdasarkan maklumat dan data yang ada, kerajaan yakin peralihan endemik ini adalah bersifat sehalu, namun KKM tidak boleh menolak kemungkinan muncul varian baharu atau perubahan dari segi sifat epidemiologi virus ini.

"Jadi, contoh jika kita sampai tahap sistem kesihatan lumpuh, kita akan syorkan kepada kerajaan langkah-langkah tertentu. Setakat ini, kita masih melihat transisi ini boleh diteruskan dan dipantau rapi Institut Kesihatan Kebangsaan," katanya.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan fasa peralihan endemik negara mulai 1 April ini, dengan kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) diperluas di semua peringkat.